

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 6

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

Bilakah sistem pendaftaran automatik pengundi berumur 18 tahun ke atas akan dilaksanakan dan jaminan mereka yang berdaftar sekarang akan dimasukkan ke dalam Daftar Pemilih Induk yang layak mengundi pada PRU 15 kelak.

**JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab Pertanyaan Lisan Nombor 6 daripada YB Dungun berkaitan dengan **isu pelaksanaan umur pengundi 18 tahun** dan **pendaftaran pemilih secara automatik** bersekali dengan **4 pertanyaan** yang dibangkitkan oleh YB Sipitang pada 16 Oktober 2019, YB Pontian pada 22 Oktober 2019, YB Bukit Gantang dan YB Kota Bharu pada 29 Oktober 2019. Ini memandangkan pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan **umur kelayakan pengundi 18 tahun** dan **pendaftaran pemilih secara automatik**

SOALAN NO. 6

berdasarkan kepada pindaan **Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan** yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Persiapan tersebut termasuklah penyediaan pindaan kepada **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *standard operating procedures* (SOP) dan penyediaan sistem dan infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.**

3. Justeru itu, SPR menjangkakan semua perkara ini akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan** dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada **25 Julai 2019**. Jangkaan tarikh pelaksanaan tersebut adalah selewat-lewatnya pada bulan **Julai 2021**.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik telah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan, maka adalah menjadi tanggungjawab SPR untuk memastikan setiap warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun serta tidak hilang kelayakan sebagai pemilih didaftarkan sebagai pemilih dan mereka layak untuk mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15.

5. SPR sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pendaftar Mahkamah dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk membekalkan maklumat warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun dan maklumat warganegara yang hilang kelayakan sebagai pemilih berdasarkan kepada peruntukan **Perkara 119(3) Perlembagaan Persekutuan**.

6. SPR juga sedang melaksanakan Program Pendidikan Pengundi, promosi dan publisiti untuk memberikan kefahaman terhadap kedua-dua pindaan tersebut.

Sekian, terima kasih.